

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN NO. 426**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik siswazah menganggur bagi tempoh tahun 2013 sehingga 2018 dan apakah usaha yang diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Sektor Pendidikan Tinggi), kadar kebolehpasaran graduan politeknik pada tahun 2013 dan 2014 adalah sebanyak 73.9 peratus telah bekerja selepas 6 bulan tamat pengajian. Kadar kebolehpasaran graduan politeknik terus meningkat dari tahun ke tahun di mana pada tahun 2015 meningkat kepada 79.5 peratus, tahun 2016 sebanyak 88.7 peratus, tahun 2017 sebanyak 94.5 peratus dan 96.1 peratus pada tahun 2018. Manakala kadar kebolehpasaran graduan kolej komuniti pada tahun 2013 adalah sebanyak 91.2 peratus, tahun 2014 sebanyak 94.2 peratus, tahun 2015 sebanyak 97.4 peratus, tahun 2016 sebanyak 97.2 peratus, tahun 2017 sebanyak 96.7 peratus dan tahun 2018 sebanyak 96.5 peratus.

**Universiti Awam dan Industri Pendidikan Secara Umum**

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh KPM bagi menyelesaikan masalah pengangguran di kalangan graduan adalah dengan melaksanakan

saringan awal yang ketat terhadap program-program yang hendak ditawarkan oleh Universiti Awam. Pihak Universiti Awam mestilah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, dijumlahkan, dibekukan atau dilupuskan supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan.

Program akademik yang akan ditawarkan juga mesti mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, Institute of Labour Market Information Analysis (ILMIA), Talentcorp, Jobstreet dan lain-lain agensi berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan program. Ini adalah bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dan tidak berlaku lambakan graduan dalam bidang-bidang tertentu atau memenuhi pekerjaan yang kurang diperlukan.

Kementerian dan UA juga melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam yang bertujuan memastikan program akademik yang akan ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi. Antara transformasi tersebut ialah program 2u2i, *Work Based learning* (WBL) dan sebagainya. Melalui penubuhan Jawatankuasa Transformasi Program Akademik Universiti Awam ini, faktor-faktor lain yang diambilkira ialah implikasi kewangan, penjawatan dan fizikal, perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar bidang yang ditawarkan kekal relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

### **Politeknik dan Kolej Vokasional**

Antara usaha-usaha KPM untuk memastikan kadar kebolehpasaran yang tinggi adalah dengan menawarkan program pengajian mengikut permintaan pekerjaan, menambahbaik kurikulum pengajian supaya relevan dengan keperluan di industri, mempromosi pendidikan dan latihan teknik dan

vokasional sebagai laluan salah satu laluan utama kepada pendidikan tinggi selain laluan akademik. KPM juga telah mengambil inisiatif meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui langkah penambahbaikan seperti berikut:

1. Memperkukuh program peningkatan kemahiran berteraskan industri bagi meningkatkan kemahiran pekerja melalui pendekatan pembelajaran *Work-Based Learning* atau Pembelajaran Berasaskan Pekerjaan. Pengalaman pembelajaran di tempat kerja dapat menyokong pembelajaran pelajar bagi mempersiapkan mereka dalam alam pekerjaan;
2. Program berimpak rendah yang tidak diperlukan oleh industri dan tidak mempunyai permintaan pekerjaan yang tinggi serta menghasilkan kebolehpasaran graduan yang rendah akan dimansuhkan;
3. Elemen keusahawanan juga diterapkan untuk menggalakkan graduan bekerja sendiri dan berdaya tahan dalam pasaran kerja;
4. Memperluas serta menambah baik Program *Graduate Employability (GE)* sebagai intervensi untuk melengkapkan graduan dengan *soft skills* seperti kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, pemikiran kritikal serta menerapkan semangat keusahawanan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan; dan
5. Menerapkan *Graduate Employability Attribute Skills* di dalam struktur kurikulum. Atribut kompetensi teknikal, bersifat progresif dan dinamik, ketrampilan diri yang hebat dan *global citizen* dipupuk bagi melahirkan graduan yang holistik dan mempunyai set kemahiran yang diperlukan oleh industri untuk menepati kehendak pasaran kerja.

Dengan penambahbaikan ini, politeknik dan kolej komuniti yakin dapat memastikan para graduannya kompetitif untuk bersaing dalam memenuhi kehendak pasaran.